

'Tak tidur lena setiap kali hujan'

Alor Gajah: "Saya memang tak dapat tidur lena setiap kali hujan lebat," kata seorang warga tua, dari Kampung Gadek Dalam, dekat sini yang terpaksa dipindahkan bersama suaminya yang terlantar uzur apabila rumah mereka dinaiki air, semalam..

Wanita berkenaan yang hanya hanya mahu dikenali sebagai Rokiah, 71, berkata air mula masuk ke dalam rumahnya pada jam 3 pagi semalam dan meningkat ke paras betis menjelang Subuh.

"Jiran terus menghubungi anggota keselamatan kerana bimbang air terus naik. Sebaik diselamatkan, paras air sudah naik setinggi dua meter dan menenggelamkan kawasan rumah," katanya yang turut bimbang dengan keadaan suami, Alias Wahab, 77, yang terlantar akibat penyakit angin ahmar.

Katanya, penduduk kawasan

berkenaan memang bimbang setiap kali hujan lebat kerana penempatan mereka pernah dilanda banjir pada Disember lalu.

Tak sedar air naik

Di **Ledang**, Mohd Khusyair Mohd Darudin, 32, mangsa banjir dari Kampung Tanjung Labuh, Tangkak, berkata air mula naik kira-kira jam 8 pagi semalam dan



Sebaik diselamatkan, paras air sudah naik setinggi dua meter dan menenggelamkan kawasan rumah"

Rokiah,
Mangsa banjir

mencecah paras betis hingga memenuhi ruang dalam rumahnya.

"Saya tidak sedar bila air naik, namun kami sekeluarga memang sudah mengemaskan barang berharga kerana khuatir banjir berikutan hujan lebat berterusan," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Ledang, Suhaila Omar, berkata semua mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan selepas air mula naik di kawasan penempatan mereka sejak 6 petang kelmarin.

"JKM bekerjasama dengan agensi berkaitan, termasuk Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) untuk memindahkan mangsa, selain khidmat Pejabat Kesihatan Daerah Ledang untuk memastikan kesihatan mangsa sentiasa terjamin," katanya.



Penduduk meninjau keadaan banjir di sekitar rumah mereka di Kampung Sialang, Ledang, semalam.

[FOTO EHSAN JPAM]